

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MAJLIS SERI GEMILANG UniMAP 2017
29 MAC 2018
DI HOTEL SERI MALAYSIA KANGAR, JAM 9.00 MALAM

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP, dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, sekalian warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat ke majlis meraikan kecemerlangan staf hari ini.

Keberangkatan Duli Tuanku berdua menjadi inspirasi dan suntikan semangat agar patik semua terus menyumbang tenaga menggapai kecemerlangan. Semoga Tuanku sentiasa di bawah perlindungan Allah Azza Wajalla.

Ampun Tuanku, izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan, Ketua Jabatan,

Para penerima Anugerah,

Seterusnya warga UniMAP yang dikasihi.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas kesempatan merasai nikmat kehidupan. Mari kita menadah tangan memanjatkan kesyukuran kerana dapat berkumpul malam ini dalam **MAJLIS ANUGERAH SERI GEMILANG 2017**.
2. Suka saya memaklumkan bahawa 164 warga UniMAP telah terpilih menjadi penerima anugerah-anugerah yang amat berprestij ini. Tahniah!
3. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada jawatankuasa penganjur ASG 2017 yang bertungkus lumus memastikan kejayaan majlis malam ini.

Hadirin sekalian,

ANUGERAH SERI GEMILANG UniMAP

4. Alhamdulillah, di usia hampir 17 tahun, UniMAP sudahpun mencapai banyak kejayaan manis hasil komitmen dan daya usaha warganya. Daripada sekitar 150 orang kakitangan pada awal penubuhan, kini kita

mempunyai 2,085 staf iaitu 1,062 staf akademik dan 1,023 staf bukan akademik.

5. Anugerah Seri Gemilang mula diperkenalkan pada tahun 2003. Ketika itu ia bergelar Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Seramai 78 staf telah diraikan bagi khidmat bakti yang ditabur pada tahun pertama KUKUM ditubuhkan. Sejak itu, majlis tradisi ini diteruskan saban tahun sebagai mengiktiraf dan menghargai budaya kerja cemerlang, serta komitmen dan jasa yang diberikan dalam membangunkan universiti yang kita cintai ini. Dalam erti kata lain, majlis ini bertujuan menggalakkan warga kerja untuk terus berusaha mempertingkatkan mutu dan produktiviti masing-masing.
6. Saya percaya dengan pengiktirafan seperti, staf menjadi lebih teruja membuktikan kecekapan dan kebolehan masing-masing, seterusnya memberikan perkhidmatan yang terbaik. Bagi ASG 2017, seramai **127 penerima** daripada 1,588 staf tetap bakal menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**, manakala enam lagi akan menerima **Anugerah Penghargaan Khas**.
7. Sepertimana tahun-tahun lalu, UniMAP tidak melupakan staf kontrak dan sambilan yang menunjukkan prestasi cemerlang menerusi **Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (atau pendeknya AKPC)**. Dengan kata lain, AKPC bukan hanya diberi kepada staf tetap, tetapi staf kontrak dan sambilan juga. Seramai **31 orang** bakal menerima AKPC kali ini.
8. Terdapat tujuh kategori dalam AKPC, iaitu **Anugerah Pendidik Cemerlang**, **Anugerah Pentadbir Cemerlang**, **Anugerah Staf Sokongan Cemerlang**, **Anugerah Versatil**, **Anugerah Pendamping Siswa**, **Anugerah Jabatan/Unit Cemerlang** dan **Anugerah Pusat Pengajian/Sokongan Akademik Cemerlang**. Syabas sekali lagi kepada semua penerima anugerah!

Hadirin hadirat sekalian,

INSENTIF KERAJAAN

9. Baru-baru ini, kerajaan telah memberi jaminan bahawa ia tidak akan mengurangkan bilangan 1.62 juta penjawat awam di seluruh negara supaya perkhidmatan yang diberikan kepada 32 juta rakyat dapat diteruskan. Jaminan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa di UniMAP, khidmat dan jasa bakti anda amat diperlukan negara.
10. Malah pelbagai insentif telah disediakan agar kehidupan kita bertambah makmur. Antaranya skim cuti belajar untuk kumpulan pelaksana, peluang kenaikan pangkat secara '*fast track*' dan '*time based*', pelantikan tetap staf kontrak, serta kemudahan perumahan mampu milik.
11. Jelas, kita seharusnya bersyukur kerana, atas tiket penjawat awam, kita boleh menikmati keistimewaan-keistimewaan ini. Hargailah nikmat menjadi penjawat awam. Hargailah peluang melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Bak kata pepatah Inggeris, "the best way to appreciate your job is to imagine yourself without one". Bersyukurlah, kerana sifat ini membuka pintu kepada kebijaksanaan, ketenangan, kedamaian dan kebahagiaan. Bersyukurlah dengan apa yang telah diberikan, nescaya Allah akan menambahkan nikmat Nya kepada kita.

Hadirin sekalian,

BERINTEGRITI DALAM BERTUGAS

12. Budaya kerja cemerlang menitikberatkan norma-norma yang baik ke arah tingkah laku dan pelaksanaan kerja yang berkesan. Selain aspek nilai, ukuran kecemerlangan termasuk hakikat bahawa pekerjaan itu halal,

iaitu, ia tidak mengandungi unsur-unsur syubhah seperti rasuah, penipuan dan pencurian. Ini termasuk juga pencurian masa bekerja, di mana staf menggunakan waktu pejabat untuk tujuan yang tidak mendatangkan manfaat kepada organisasi.

13. Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, pada tahun lalu, seramai 879 pesalah rasuah telah ditangkap, termasuk 409 penjawat awam. Justeru, saya menyeru agar budaya kerja yang menggabungkan disiplin, integriti, kebertanggungjawapan serta penjagaan kerahsiaan menjadi jati diri seluruh warga kampus. Jauhilah perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej universiti dan diri sendiri agar kehidupan kita terpelihara dunia dan akhirat.

Hadirin hadirat yang dihormati,

PENCAPAIAN TERKINI UniMAP

14. Alhamdulillah, UniMAP sekali lagi mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui *QS World University Rankings by Subject* edisi 2018 yang diumumkan baru-baru ini.
15. Kita berada pada kedudukan 450 terbaik dunia dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi berbanding tahun lalu di mana kedudukan kita adalah pada tangga 500 terbaik dunia. Ini suatu pengukuhan yang amat membanggakan.
16. Seperti diketahui umum, *QS* menilai berdasarkan empat indikator iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah sitasi berbanding penerbitan, dan *h-index*. Analisis awal menunjukkan peningkatan elemen reputasi dalam kalangan majikan global. Malah UniMAP juga berjaya meningkatkan daya saingnya dalam bidang penyelidikan. Terima kasih kepada seluruh warga kerja atas pengiktirafan ini. Saya tahu kebanyakan saudara-saudari di dalam dewan ini telah bertanggungjawab secara

langsung dalam perkara ini sehingga meningkatkan kedudukan kita di mata dunia, sebagaimana dimanifestasikan dalam statistik yang dikeluarkan QS.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

17. Untuk itu, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua penerima ASG kali ini. Sekalung penghargaan kepada jawatankuasa penganjur atas komitmen jitu memastikan majlis berjalan lancar. Semoga usaha dan kejayaan kita membawa manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri serta organisasi, malah kepada negara dan dunia amnya. Amin, ya rabbal alamin.

SEMBAH PENUTUP

Ampun Tuanku,

18. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Patik mewakili seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih atas perkenan Duli-Duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke majlis gilang gemilang ASG 2017 ini .

19. Semoga Duli Tuanku serta seluruh kerabat Diraja sentiasa berada dalam lingkungan kebahagiaan, aman sentosa, serta dilanjutkan usia.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.